

Pembelajaran Atas Talian, Media Digital dan Sikap Akademik Pelajar: Satu Tinjauan di Negeri Sabah

(Online Learning, Digital Media and Students' Academic Attitudes: A Survey in the State of Sabah)

Muhamad Suhaimi Taat^{1*}, Roslee Talip², Dg Norizah Ag Kiflee³, Mad Noor Mad Japuni⁴

¹Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88450, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: suhaimi@ums.edu.my

²Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88450, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: roslee_73@ums.edu.my

³Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88450, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: dndz@ums.edu.my

⁴Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88450, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: mdnoormj@ums.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Muhamad Suhaimi Taat
(suhaimi@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Pembelajaran
Digital
Media
Sikap
Akademik

KEYWORDS:

Learning
Digital
Media
Attitude
Academic

CITATION:

Muhamad Suhaimi Taat et al. (2022).
Pembelajaran Atas Talian, Media Digital dan
Sikap Akademik Pelajar: Satu Tinjauan di
Negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11),
e001912.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1912>

Kajian ini dijalankan untuk menentukan hubungan antara pembelajaran atas talian dan media digital dengan sikap akademik pelajar. Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya. Responden kajian adalah seramai 476 orang pelajar sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di negeri Sabah yang dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Kajian ini menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM) sebagai model rujukan utama kajian. Analisis deskriptif (skor min dan sisihan piawai) dan inferensi (Korelasi Pearson) telah dilakukan bagi mencapai objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembelajaran atas talian ($r=0.407$, $p=0.01$) dan media digital ($r=0.410$, $p=0.01$) dengan sikap akademik pelajar. Implikasi utama kajian ini adalah guru seharusnya menggunakan dan mengaplikasikan pembelajaran atas talian dan media digital dengan cekap dan berkesan agar dapat memberikan impak yang optimum terhadap sikap akademik pelajar.

ABSTRACT

This study was conducted to determine the relationship between online learning and digital media with students' academic attitudes. This survey uses a completely quantitative approach. The respondents were a total of 476 government-aided secondary school students in the state of Sabah who were selected using a simple random sampling technique. This study uses the Technology Acceptance Model (TAM) as the fundamental model of the study. Descriptive analysis (mean score and standard

deviation) and inferential statistic (Pearson Correlation) were performed to achieve the research questions. The findings of the study show that there is a significant relationship between online learning ($r=0.407$, $p=0.01$) and digital media ($r=0.410$, $p=0.01$) with students' academic attitudes. The main implication of this study is that teachers should use and apply online learning and digital media efficiently and effectively in order to have an optimal impact on students' academic attitudes.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini dapat menambahkan maklumat sedia ada berkaitan sikap akademik pelajar, pembelajaran atas talian dan penggunaan media digital khusus semasa pandemik Covid-19. Justeru adalah perlu pihak-pihak yang berkaitan memberikan perhatian serius terhadap perkara-perkara tersebut agar dapat memberikan manfaat sepenuhnya kepada kejayaan akademik pelajar.

1. Pengenalan

Seluruh dunia dikejutkan dengan wabak Covid-19 yang telah menjangkiti berjuta-juta orang di seluruh dunia. Malaysia tidak terkecuali dengan beribu-ribu orang telah terkorban akibat dijangkiti wabak ini. Bagi mengekang wabak itu daripada terus merebak, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memaksa sekolah ditutup. Perkara ini pastinya telah menjejaskan sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) pelajar. Justeru, bagi meneruskan pembelajaran murid, Kementerian Pendidikan Malaysia meminta guru-guru mengambil inisiatif melaksanakan sesi P&P dalam talian dengan menggunakan pelbagai platform seperti Google Classroom, Google Meet, Telegram, WhatsApp, dan lain-lain bagi menggantikan kaedah bersemuka secara konvensional (Abdullah et al., 2020). Namun begitu, tidak semua pelajar boleh menghadiri sesi P&P secara dalam talian kerana beberapa kekangan seperti tiada rangkaian internet, rangkaian internet yang lemah, kurang keupayaan untuk melanggan rangkaian internet atau tidak mempunyai perkakasan yang sesuai untuk melayari internet seperti telefon bimbit atau komputer riba. Keadaan ini berkemungkinan boleh menjejaskan sikap akademik pelajar.

1.1. Pernyataan Masalah

Sebahagian pendidik tidak menyedari bahawa pelajar mengharungi tekanan perasan atau emosi akibat COVID-19, dan hakikat bahawa mereka perlu menyesuaikan diri dengan pembelajaran secara atas talian dan tidak dapat bersemuka dengan rakan mereka telah menimbulkan kekecewaan dan kebimbangan (Sundarasan et al., 2020). Namun begitu, walaupun menghadapi pelbagai cabaran, pembelajaran dalam talian telah terbukti dapat meningkatkan penglibatan (Ahmad Aliff et al., 2020). Faktor kebolehcapaian merupakan faktor penghalang utama ke arah keberkesanan pembelajaran atas talian. Justeru, peranan kerajaan, institusi pendidikan dan syarikat telekomunikasi adalah penting untuk mengurangkan isu capaian internet, kos data internet dan kekurangan peranti teknologi. Dengan itu, motivasi dan prestasi pelajar semasa pembelajaran dalam talian dapat dipertingkatkan (Ramli et al., 2020).

Beberapa cabaran lain yang dihadapi adalah aspek penilaian, isu komunikasi yang menghadkan interaksi sosial semasa sesi pembelajaran atas talian, isu teknikal, kekurangan sambungan internet dan kapasiti data yang tidak mencukupi (Salleh et al.,

2020). Selain itu, isu lain yang dibangkitkan ialah kekurangan motivasi, fokus pelajar, dan tahap pemahaman pelajar. Memandangkan terdapat interaksi yang terhad antara pendidik dan pelajar semasa pembelajaran dalam talian, maka mesyuarat dalam talian perlu dijalankan supaya pelajar boleh membincangkan hal kursus untuk membangunkan pemahaman yang lebih baik tentang subjek tersebut. Pelajar harus diberi tugas mudah supaya mereka memenuhi jangkaan pembelajaran jarak jauh. Secara keseluruhannya, cabaran boleh diatasi dengan menambah baik kaedah pembelajaran dalam talian, seperti bilik darjah terbalik dan sistem pengurusan pembelajaran (Azleen et al., 2020). Ag-Ahmad (2020) mencadangkan bahawa masih terdapat banyak pertimbangan yang perlu diambil kira untuk benar-benar memastikan keberkesanan dalam pelaksanaan pembelajaran digital. Selain daripada keprihatinan pelajar terhadap akses internet dan keupayaan untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran atas talian, pelajar juga memerlukan sokongan penuh daripada ibu bapa dan guru. Pelajar perlu diberi ruang dan masa untuk lebih fokus kepada pembelajaran atas talian dan pada masa yang sama memerlukan lebih masa, bahan, dan bimbingan untuk menyiapkan tugas yang diberikan kepada pelajar.

Menurut Samat et al. (2020), terdapat empat daripada lima faktor (jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, keadaan yang memudahkan dan nilai intrinsik) yang didapati mempunyai kaitan yang signifikan dengan niat tingkah laku pelajar untuk melibatkan diri dengan pembelajaran atas talian. Niat tingkah laku juga didapati penting dengan tingkah laku penggunaan. Oleh itu, pendekatan satu saiz untuk semua dalam pelaksanaan pembelajaran atas talian tidak boleh digunakan kerana ini bukan sahaja menghalang penyampaian kandungan dalam bilik darjah secara maya, tetapi ini juga menjejaskan aspek psikologi pelajar kerana kemungkinan pelajar terdedah kepada pelbagai halangan atau masalah.

Selain itu, pembelajaran atas talian yang dijalankan juga tidak dapat melaksanakan beberapa kaedah P&P yang dijalankan secara bersemuka seperti perbincangan kumpulan, simulasi, demonstrasi, eksperimen, lakonan dan sebagainya yang telah terbukti berkesan (Taat et al., 2020). Ia digantikan dengan penggunaan media digital seperti YouTube, slaid *power point*, permainan dan lain-lain. Antara kekangan lain yang dihadapi ketika belajar di rumah ialah kemungkinan kurang tumpuan yang boleh diberikan, gangguan daripada ahli keluarga lain, dan tiada ruang yang sesuai dan selesa untuk belajar, apatah lagi untuk keluarga yang kurang berkemampuan dengan rumah yang bersaiz kecil. Berkaitan pembelajaran atas talian, tidak semua pelajar mempunyai internet yang baik dan selesa untuk pembelajaran atas talian. Di samping itu, isu berkaitan sikap akademik pelajar sering dikaitkan dengan proses P&P yang dilaksanakan oleh guru. Semasa P&P dilaksanakan oleh guru secara bersemuka di dalam bilik darjah, masih sukar bagi pihak sekolah atau guru untuk membentuk sepenuhnya sikap akademik pelajar yang positif, apatah lagi P&P yang dijalankan secara tidak bersemuka iaitu secara atas talian. Namun begitu, itu adalah andaian awal yang masih belum dibuktikan secara empirikal berdasarkan bukti daripada kajian yang sahih. Justeru, dengan adanya kajian ini diharap akan dapat memberikan jawapan dan gambaran sebenar terhadap isu yang telah dikemukakan.

1.2. Objektif Kajian

- i. Untuk mengenal pasti pembelajaran atas talian, penggunaan media digital dan sikap akademik pelajar.

- ii. Untuk menentukan hubungan antara pembelajaran atas talian dan penggunaan media digital dengan sikap akademik pelajar.

2. Sorotan Literatur

2.1. Sikap Akademik

Menurut [Robbins dan Coulter \(2007\)](#), sikap adalah satu pernyataan penilaian sama ada baik atau tidak baik tentang objek, orang, dan peristiwa. Kenyataan ini adalah selari dengan pernyataan [Kotler dan Keller \(2009\)](#) yang mengatakan sikap ialah penilaian jangka panjang terhadap perkara yang disukai atau tidak disukai oleh seseorang termasuk perasaan, emosi dan kecenderungan untuk bertindak terhadap sesuatu perkara. Bagi membincangkan masalah sikap akademik dengan lebih jelas dan khusus, pengkaji membahagikan sikap pelajar kepada tiga komponen iaitu kognitif, afektif, dan tingkah laku ([Taat et al., 2021](#)) yang dikenali sebagai sikap trikomponen. Sikap trikomponen merujuk kepada tiga komponen sikap iaitu kognitif, afektif, dan tingkah laku ([Schiffman et al., 2010](#)). Sikap kognitif ialah persepsi, pengetahuan, pemikiran, dan kepercayaan yang dipegang oleh seseorang individu hasil daripada pengalaman langsung dan maklumat daripada pelbagai sumber. Sikap afektif merujuk kepada perasaan terhadap sesuatu melalui penilaian positif atau negatif. Manakala sikap tingkah laku ialah kecenderungan seseorang untuk berkelakuan atau membuat sebarang tindakan tertentu. Masalah utama sikap kognitif pelajar adalah mengenai persepsi negatif pelajar terhadap pembelajaran yang dijalankan di rumah. Manakala masalah sikap afektif akademik pelajar dapat dikenal pasti dari pelbagai aspek melibatkan perasaan negatif untuk meneruskan dan melaksanakan sesi pembelajaran secara bersendirian di rumah tanpa kehadiran guru dan rakan sekelas seperti biasa (sebelum PKP). Bagi masalah tingkah laku pelajar pula, tingkah laku akademik yang negatif, kurang memberi perhatian dan kurang fokus dalam proses P&P yang dijalankan secara atas talian oleh guru yang mungkin berpunca daripada gangguan talian internet dan gangguan persekitaran di rumah. Namun begitu, terdapat pelajar yang lebih gemar belajar secara atas talian secara bersendirian di rumah kerana tiada gangguan rakan lain dan dalam suasana santai dan lapang seperti dapat makan dan minum semasa sesi P&P dilaksanakan.

2.2. Pembelajaran Atas Talian

Pembelajaran atas talian ialah penggunaan teknologi terkini untuk meningkatkan tahap pembelajaran. Persekitaran pembelajaran ini menggunakan perkakasan fizikal seperti komputer atau telefon pintar dan talian internet. Pembelajaran atas talian ialah satu proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan rangkaian elektronik (LAN, WAN, atau Internet) untuk menyampaikan kandungan, maklumat dan juga berinteraksi melaluinya. Internet, intranet, satelit, pita audio-video, TV interaktif, dan CD-ROM adalah beberapa media elektronik yang digunakan untuk mengamalkan e-pembelajaran ([Kaplan-Leiserson, 2000](#)). Kaedah ini membolehkan pelajar menggunakan pembelajaran atas talian untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki ([Rader & Wilhelm, 2001](#); [Marsudi, 2016](#)). Penggunaan pembelajaran atas talian memberikan impak atau peluang pembelajaran yang luas kepada pelajar melalui penglibatan pelajar yang aktif, interaktif, kolaboratif dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat ([Abdul Razak, 2013](#); [Pham et al., 2019](#)). Pengalaman pembelajaran yang boleh diperolehi melalui penggunaan e-pembelajaran tidak dihadkan oleh bilik darjah sahaja; malah penggunaannya boleh menambah nilai pembelajaran sekiranya diuruskan dalam persekitaran pembelajaran

yang sesuai. Nilai-nilai ini adalah seperti yang diberikan oleh [Oblinger et al. \(2005\)](#) iaitu penerokaan, penglibatan pengalaman, pemerksaan, keberkesanan, dan kemudahan penggunaan. Pembelajaran atas talian merujuk kepada penyampaian pengajaran atau latihan melalui sumber digital di mana internet digunakan dalam menyampaikan 80–100% kandungan. Pembelajaran atas talian boleh diklasifikasikan kepada format tak segerak (*asynchronous*) atau segerak (*synchronous*). Format tak segerak melibatkan penghantaran bahan P&P melalui platform e-pembelajaran institusi atau dengan penggunaan aplikasi P&P lain seperti e-mel atau WhatsApp. Bahan-bahan tersebut kemudiannya diakses mengikut keselesaan pelajar ([Mohd Satar et al., 2020](#)). Sebaliknya, format segerak melibatkan P&P dalam talian yang dijalankan menggunakan platform webinar video masa nyata atau media berasaskan sembang seperti Microsoft Teams, WEBEX, Skype, Zoom atau WhatsApp. Pensyarah dan pelajar boleh mengadakan tutorial atau perbincangan secara bersemuka seperti persekitaran bilik darjah. Medium ini membolehkan pelajar untuk terus berhubung dengan guru atau rakan pelajar mereka. Pembelajaran segerak juga memudahkan pembelajaran dinamik di mana guru menunjukkan prosedur tertentu kepada pelajar dan mempunyai komunikasi dua hala dalam talian. Masa dan topik pengajaran diberikan lebih awal membolehkan pelajar menyediakan masa secukupnya sebelum menghadiri kelas pengajaran dalam talian yang dijadualkan ([Nik Ahmad et al., 2020](#)).

2.3. Media Digital

Media boleh diklasifikasikan kepada media cetak dan bukan cetak ([Salsidu et al., 2018](#)). Media bukan cetak terbahagi kepada dua iaitu media langsung dan tidak langsung. Media penyiaran pula terbahagi kepada media penyiaran gerak dan kaku. Digital menurut [Meilani \(2014\)](#), ditakrifkan sebagai Digit Binari atau data Bit yang diwakili daripada keadaan nombor binari yang terdiri daripada nombor 0 dan 1 atau 'on' dan 'off'. Kesimpulannya, media digital ialah media bukan cetak iaitu media tayang dan tidak tayang yang menggunakan data bit. Menurut [Nayyar dan Watson \(2016\)](#), media digital ialah produk dan perkhidmatan yang terhasil daripada industri media, hiburan dan maklumat. Media digital boleh dikategorikan kepada tiga kategori utama iaitu, a) kandungan digital seperti teks, audio, video dan imej, b) platform digital seperti aplikasi dan laman web, dan c) perkhidmatan seperti maklumat, hiburan, dan komunikasi. Media digital yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah penggunaan media bukan cetak yang menggunakan data bit iaitu media tayang dan media bukan tayang yang terdiri daripada kandungan digital, platform digital, dan perkhidmatan digital. Pembelajaran dalam talian yang dilaksanakan oleh guru melibatkan penggunaan pelbagai media digital seperti YouTube, Games, movie dan sebagainya bagi menggantikan kaedah bersemuka yang konvensional. Jadi, kajian ini akan melihat persepsi pelajar terhadap penggunaan media digital dan kesannya terhadap sikap akademik mereka. Kajian ini akan menggunakan *Technology Acceptance Model (TAM)* yang dibangunkan melalui adaptasi *Theory of Reasoned Action (TRA)*, sebagai kerangka asas kepada kajian ini. TAM merupakan model yang dibangunkan dan diperkenalkan oleh Fred Davis sejak tahun 1986. Menurut [Davis \(1989\)](#), model ini digunakan untuk meramal penerimaan penggunaan teknologi berdasarkan dua elemen iaitu *Perceived Usefulness (PU)* dan *Perceived Ease of Use (PEOU)*. Dalam model ini terdapat faktor penerimaan teknologi yang perlu diambil kira. Menurut [Lina \(2007\)](#), penerimaan sistem maklumat atau teknologi yang berjaya bukan sahaja ditentukan oleh sistem pemprosesan maklumat dengan baik tetapi juga ditentukan oleh tahap penerimaan individu terhadap aplikasi sistem atau teknologi maklumat tersebut.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara pendekatan kuantitatif untuk mengumpul data. Satu set soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Item soal selidik telah dibina dan dibangunkan oleh para penyelidik yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang kajian ini, selain merujuk kepada teori dan model sedia ada. Kesemua soal selidik menggunakan skala Likert 5 mata (1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Tidak Pasti, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju). Sebelum soal selidik ditadbir ke atas responden kajian, soal selidik tersebut telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan yang ketat untuk memastikan kesemua item soal selidik dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kajian ini melibatkan 476 pelajar sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di Sabah, Malaysia. Jumlah ini adalah mencukupi untuk mewakili jumlah populasi seramai 5000 pelajar (Bartlett et al., 2001). Jumlah ini juga memadai untuk melakukan analisis deskriptif dan inferensi bagi menjawab hipotesis kajian. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif (skor min dan sisihan piawai) dan secara inferensi (korelasi Pearson). Data yang terlibat dalam kajian ini adalah data selanjar yang membolehkan analisis deskriptif dan inferensi dilakukan.

4. Hasil Kajian

4.1. Pembelajaran atas talian, penggunaan media digital dan sikap akademik pelajar

Jadual 1 menunjukkan skor min keseluruhan bagi variabel pembelajaran atas talian adalah pada tahap sederhana (min=3.218, SP=0.784). Item yang menunjukkan skor min tertinggi adalah item 'Guru melaksanakan kelas mengikut jadual yang telah ditetapkan' (min=4.132, SP=1.084), manakala item yang menunjukkan skor min paling rendah adalah item 'Saya lebih suka kelas atas talian berbanding dengan kelas bersemuka di sekolah' (min=2.075, SP=1.230).

Jadual 1: Analisis Deskriptif Variabel Pembelajaran Atas Talian

Pernyataan	Min	SP
1. Saya suka dengan pembelajaran secara atas talian.	2.794	1.225
2. Saya boleh memahami pengajaran guru dengan baik.	3.077	1.201
3. Saya boleh memberikan perhatian terhadap pengajaran guru.	3.187	1.265
4. Saya bermotivasi tinggi semasa menghadiri kelas atas talian.	2.804	1.273
5. Saya tidak menghadapi sebarang masalah semasa menghadiri kelas atas talian.	2.710	1.331
6. Saya lebih suka kelas atas talian berbanding dengan kelas bersemuka di sekolah.	2.075	1.230
7. Guru mengajar dengan baik semasa pengajaran atas talian.	3.596	1.153
8. Guru bersemangat ketika mengajar atas talian.	3.672	1.134
9. Guru melaksanakan kelas mengikut jadual yang telah ditetapkan.	4.132	1.084
10. Guru menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pelajar.	4.094	1.038
11. Guru menjadikan kelas atas talian menarik perhatian pelajar.	3.256	1.155
Min keseluruhan	3.218	0.784

Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan skor min keseluruhan bagi variabel penggunaan media digital adalah pada tahap tinggi (min=3.746, SP=0.628). Item yang menunjukkan skor min tertinggi adalah item 'Guru menggunakan WhatsApp untuk sesi kelas atas

talian' (min=4.313, SP=1.018), manakala item yang menunjukkan skor min paling rendah adalah item 'Guru menggunakan permainan atas talian (*online game*) ketika kelas atas talian' (min=3.420, SP=1.030).

Jadual 2: Analisis Deskriptif Variabel Penggunaan Media Digital

Pernyataan	Min	SP
1. Guru menggunakan Google Meet untuk sesi kelas atas talian.	3.972	1.146
2. Guru menggunakan Telegram untuk sesi kelas atas talian.	4.094	1.103
3. Guru menggunakan WhatsApp untuk sesi kelas atas talian.	4.313	1.018
4. Guru menggunakan slaid <i>power point</i> ketika kelas atas talian.	3.729	1.205
5. Guru menggunakan permainan atas talian (<i>online game</i>) ketika kelas atas talian.	3.420	1.443
6. Guru menggunakan video (seperti YouTube dan sebagainya) ketika kelas atas talian.	4.142	1.030
7. Guru menggunakan audio (contohnya rakaman suara, muzik dan lain-lain) ketika kelas atas talian.	3.966	1.098
8. Guru menggunakan pelbagai media digital lain ketika kelas atas talian.	3.974	1.048
Min keseluruhan	3.746	0.628

Selain itu, [Jadual 3](#) pula menunjukkan skor min keseluruhan bagi variabel sikap akademik pelajar adalah pada tahap tinggi (min=3.951, SP=0.711). Item yang menunjukkan skor min tertinggi adalah item 'Saya percaya pelajaran adalah penting.' (min=4.760, SP=0.585), manakala item yang menunjukkan skor min paling rendah adalah item 'Saya aktif (bertanya @ respons) di dalam kelas atas talian' (min=2.878, SP=1.179).

Jadual 3: Analisis Deskriptif Variabel Sikap Akademik Pelajar

Pernyataan	Min	SP
1. Saya percaya pelajaran adalah penting.	4.760	.585
2. Saya percaya bahawa tanpa pelajaran saya tidak akan berjaya dalam hidup.	4.432	.965
3. Saya percaya ilmu pengetahuan adalah penting dalam kehidupan.	4.758	.600
4. Saya mengulang kaji pelajaran di rumah.	3.684	.978
5. Saya belajar tanpa disuruh oleh sesiapa.	3.729	1.054
6. Saya menyukai semua mata pelajaran.	3.352	1.098
7. Saya mencari rujukan tambahan dengan sendiri.	3.651	1.062
8. Saya hadir kelas atas talian pada masanya	3.352	1.177
9. Saya aktif (bertanya @ respon) di dalam kelas atas talian	2.878	1.179
10. Saya membuat nota pelajaran sendiri.	3.331	1.145
11. Saya membuat persediaan awal sebelum kelas bermula.	3.275	1.165
Min keseluruhan	3.951	0.711

4.2. Hubungan antara pembelajaran atas talian dan penggunaan media digital dengan sikap akademik pelajar

[Jadual 4](#) adalah dapatan analisis korelasi Pearson yang menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pembelajaran dalam talian ($r=0.407$, $p=0.01$) dan media digital ($r=0.410$, $p=0.01$) dengan sikap akademik pelajar. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa apabila pembelajaran atas talian dan penggunaan media digital adalah baik, maka sikap akademik pelajar juga akan bertambah baik, dan begitulah sebaliknya.

Jadual 4: Analisis Korelasi Pearson

Variabel		Kelas Atas Talian	Media Digital
Sikap Akademik	Korelasi Pearson	.407**	.410**
	Sig. (2-hujung)	.000	.000
	N	476	476

5. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pembelajaran atas talian dan penggunaan media digital dengan sikap akademik pelajar. Dapatan juga bahawa kedua-dua pemboleh ubah bebas kajian mempunyai hubungan sederhana yang positif dengan pemboleh ubah bersandar secara signifikan. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa pembelajaran atas talian adalah alternatif terbaik yang boleh digunakan semasa pandemik Covid-19 (Abdullah et al., 2020; Chung et al., 2020). Walaupun terdapat beberapa kekangan atau halangan untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian, ia tetap menjadi pilihan utama terutamanya kepada pelajar yang mempunyai akses kepada internet. Keberkesanan pembelajaran atas talian boleh dipertingkatkan dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh guru semasa mengendalikan kelas atas talian. Kebanyakan responden menyatakan guru mereka memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi dan memberikan pengajaran yang baik semasa kelas atas talian. Keadaan ini jelas menunjukkan sikap akademik pelajar khususnya motivasi dan minat mereka dapat dibentuk dengan berkesan sekiranya pembelajaran atas talian ini dilaksanakan dengan baik dan bijaksana (Chung & Mathew, 2020). Guru sebagai fasilitator mestilah bijak dan kreatif semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran atas talian (Apak et al., 2021). Mempelbagaikan bahan atau sumber pengajaran, di samping memberikan komitmen sepenuhnya akan memberi kesan positif kepada sikap akademik pelajar (Charlie et al., 2017).

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan media digital yang betul dan sesuai akan memberi kesan kepada sikap akademik pelajar. Penggunaan media digital akan dapat memotivasikan pelajar, memandangkan para pelajar masa kini sudah terdedah dengan pelbagai aplikasi teknologi dan gajet dalam pelbagai urusan harian (Ramli et al., 2020). Media konvensional tidak lagi relevan dan kurang memberi impak kepada generasi sekarang. Bagi pelajar di bandar yang boleh mengakses internet dengan baik, tiada masalah untuk mereka menggunakan apa sahaja media digital yang ada. Namun begitu, tidak semua pelajar di bandar ini mampu mengakses internet dengan baik kerana kosnya yang agak tinggi (Yusuf & Ahmad, 2020). Bagi pelajar luar bandar yang mempunyai rangkaian internet yang agak terhad, mereka lebih gemar jika guru menggunakan media digital yang tidak memerlukan kelajuan yang tinggi. Selain itu, guru harus bijak dan kreatif apabila menggunakan media digital agar tidak membosankan pelajar. Media digital merupakan platform penting untuk pembelajaran atas talian agar dapat memberi impak yang lebih baik, berbanding impak yang diberikan tanpa media digital (Salsidu et al., 2018). Oleh itu, adalah penting bagi guru memahami perkara ini agar dapat membantu mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih cekap dan berkesan.

6. Kesimpulan

Pembelajaran atas talian dan media digital adalah platform atau alternatif terbaik untuk kelas bersemuka. Guru harus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk

melaksanakan sesi kelas atas talian. Guru juga perlu komited dan kreatif agar sesi P&P dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti kelas atas talian yang akhirnya dapat mencapai hasil pembelajaran. Selain itu, pihak kerajaan perlu memastikan semua pelajar sama ada di dalam atau luar bandar mendapat akses internet yang baik supaya kelas atas talian dapat berjalan dengan lancar. Sikap akademik pelajar amat penting untuk dibentuk dan dimantapkan supaya mereka sentiasa bersemangat tinggi dalam pelajaran dan akhirnya berjaya di masa hadapan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan universiti. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan responden telah dijalankan mengikut piawaian etika pusat penyelidikan. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada kesemua responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini adalah di bawah geran penyelidikan khas Covid-19. Justeru terima kasih diucapkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan UMS atas geran yang diberikan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Razak Rafiza. (2013). Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 34-46.
- Abdullah, M., Husin, N. A., & Haider, A. (2020). Development of post-pandemic COVID19 higher education resilience framework in Malaysia. *Archives of Business Review*, 8(5), 201-210. <https://doi.org/10.14738/abr.85.8321>
- Ag-Ahmad, N. (2020). Open and Distance Learning (ODL): preferences, issues and challenges amidst Covid-19 Pandemic. *Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)*, 8(2), 1-14.
- Ahmad Alif Kamal, Norhunaini Mohd Shaipullah, Liyana Truna, Muna Sabri, & Syahrul N. Junaini. (2020). Transitioning to Online Learning during COVID-19 Pandemic: Case Study of a Pre-University Centre in Malaysia. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications*, 11(6), 217-223. <https://dx.doi.org/10.14569/IJACSA.2020.0110628>

- Apak, J., Taat, M. S., & Suki, N. M. (2021). Measuring Teacher Creativity-Nurturing Behavior and Readiness for 21st Century Classroom Management. *International Journal of Information and Communication Technology Education (IJICTE)*, 17(3), 52-67. <http://doi.org/10.4018/IJICTE.20210701.0a4>
- Azleen Ilias, Nasrudin Baidi, Erlane K.Ghani, & Fazlida Mohd Razali (2020). Issues on the Use of Online Learning: An Exploratory Study Among University Students During the COVID-19 Pandemic. *Universal Journal of Educational Research*, 8(11), 5092-5105. DOI: 10.13189/ujer.2020.081109.
- Bartlett, J.E., Kotrlik, J.W., & Higgins, C.C. (2001). Organizational Research: Determining Appropriate Sample Size in Survey Research. *Information Technology, Learning, and Performance Journal*, 19(1), 43-50.
- Charlie, E. F., Taat, M. S., & Saikim, F. H. (2017). Students' Interpretation and Commitment of Conservation Contents Based on School Context. *Advanced Science Letters*, 23(4), 2704-2708. <https://doi.org/10.1166/asl.2017.7701>
- Chung, E., & Mathew, V. N. (2020). Satisfied with Online Learning Amidst COVID-19, but do you Intend to Continue Using it? *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(4), 67-77. DOI:10.6007/IJARPED/v9-i4/8177
- Chung, E., Subramaniam, G., & Dass, L. (2020). Online Learning Readiness among University Students in Malaysia amidst COVID-19. *Asian Journal of University Education*, 16(2), 46-58. <https://doi.org/10.24191/ajue.v16i2.10294>
- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use and User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-339. DOI:10.2307/249008
- Kaplan-Leiserson, E. (2000). E-learning glossary. *Learning Circuits*. <http://www.learningcircuits.org/glossary.html>
- Kotler, P. & Keller, K. (2009). *Marketing Management*. 13th Ed. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc
- Lina. (2007). Pengaruh Perbedaan Individual dan Karakteristik Sistem Informasi pada Penerimaan Penggunaan Teknologi Informasi dalam e-library. *Jurnal Ekonomi dan Bisnis Indonesia*, 22(4), 447-465.
- Marsudi Wahyu Kisworo. (2016). Implementing Open-Source Platform for Education Quality Enhancement in Primary Education: Indonesia Experience. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 15(3), 80-86.
- Meilani. (2014). Berbudaya melalui Media Digital. *HUMANIORA*, 5(2), 1009-1014. Jakarta Barat: Universiti Bina Nusantara. DOI: <https://doi.org/10.21512/humaniora.v5i2.3210>
- Mohd Satar, N. S., Morshidi, A. H., & Dastane, O. (2020). Success factors for e-Learning satisfaction during COVID-19 pandemic lockdown. *International Journal of Advanced Trends in Computer Science and Engineering*, 9(5), 7859-7865. <https://doi.org/10.30534/ijatcse/2020/136952020>
- Nayyar, S., & Watson, W. T. (2016). *Digital Media and Society: Implications in a Hyperconnected Era*. World Economic Forum.
- Nik Ahmad Zuky NL, Baharuddin KA, & Rahim AFA. (2020) Online clinical teaching and learning for medical undergraduates during the COVID-19 pandemic: the Universiti Sains Malaysia (USM) experience. *Education in Medicine Journal*, 2(2), 75-80. <https://doi.org/10.21315/eimj2020.12.2.8>
- Oblinger, D. G., & Oblinger, J. L. (Eds.). (2005). *Educating the Net generation*. Washington, DC: Educause.
- Pham, L., Limbu, Y.B., Bui, T.K., Nguyen, H.T., & Pham, H.T. (2019). Does e-learning service quality influence e-learning student satisfaction and loyalty? Evidence from Vietnam. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*,

16(7), 1-26.

- Rader, M., & Wilhelm, W. (2001). *Needed research in business education* (6th ed.). Little Rock, AR: Deltha Pi Epsilon
- Ramli, M. F., Majid, M., & Badyalina, B. (2020). Impeding factors towards the effectiveness of online learning during covid-19 pandemic among social sciences students. *International Journal of Learning and Development*, 10(4), 37. doi:10.5296/ijld.v10i4.17921
- Robbins, S. P. & Coulter, M. (2007). *Management*. (9th Ed). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Salleh, F. I. M., Ghazali, J. M., Ismail, W. N. H. W., Alias, M., & Rahim, N. S. A. (2020). The impacts of COVID-19 through online learning usage for tertiary education in Malaysia. *Journal of critical reviews*, 7(8), 147-149. <http://dx.doi.org/10.31838/jcr.07.07.01>
- Salsidu, S. Z., Azman, M. N. A., & Pratama, H. (2018). Trend Pembelajaran Menggunakan Multimedia Interaktif Dalam Bidang Pendidikan Teknikal : Satu Sorotan Literatur. *Sains Humanika*, 10(3). <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3.600>
- Samat, M., Awang, N., Hussin, S., & Mat Nawati, F. (2020). Online Distance Learning Amidst Covid-19 Pandemic Among University Students. *Asian Journal of University Education*, 16(3), 220-233. doi:10.24191/ajue.v16i3.9787
- Schiffman, L. G., Kanuk, L. L., & Wisenblit, J. (2010). *Consumer Behavior*. 10th Ed. New Jersey: Pearson Education, Inc
- Sundarasan, S., Chinna, K., Kamaludin, K., Nurunnabi, M., Baloch, G. M., Khoshaim, H. B., & Sukayt, A. (2020). Psychological impact of COVID-19 and lockdown among university students in Malaysia: implications and policy recommendations. *International journal of environmental research and public health*, 17(17), 6206. doi:10.3390/ijerph17176206
- Taat, M. S., Abdulbaki, K., & Al-Saqqaf, A. (2020). The Impact of Lecture and Interactive Methods on Student's English Competency. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (ijET)*, 15(20), 255-267. <https://doi.org/10.3991/ijet.v15i20.16683>
- Taat, M.S., Talip, R., Mosin, M. (2021). The influence of curriculum and school climate on the academic attitude of tahfiz students in Malaysia. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*, 10(3), 807-815. DOI: 10.11591/ijere.v10i3.21275
- Yusuf, B. N. M., & Ahmad, J. (2020) Are we Prepared Enough? A Case Study of Challenges in Online Learning In A Private Higher Learning Institution During The Covid-19 Outbreaks. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 7(5), 205-212. DOI:10.14738/assrj.75.8211.